

taip untuk carian



AM > BERITA

GM Klang Perkukuh Kehadiran Di Sabah Melalui Big Sabah Sale 2024

⌚ 22/10/2024 10:14 AM



KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- GM Klang Wholesale City bersedia memperkuatkannya kehadirannya di Sabah dengan menyertai edisi kedua *Big Sabah Sale 2024*, yang dijadualkan pada 25 hingga 27 Okt di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC).

Pengurus Kanan Komunikasi Jenama GM Klang Wholesale City Norsuhaida Othman berkata lapan pemborong terpilih dari GM Klang akan mempamerkan produk mereka di Pavilion GM Klang sepanjang acara tersebut, dengan matlamat meneroka potensi pasaran yang kian berkembang di Sabah.

"Sebagai peneraju dalam industri pemborongan, kami komited untuk menyokong pemborong kami dalam meneroka peluang perniagaan baharu sambil memperluaskan pengaruh kami di Malaysia Timur, terutamanya di Sabah, yang memiliki potensi pasaran yang besar dan berkembang pesat.



"Inisiatif ini selaras dengan visi kami untuk meluaskan jangkauan GM Klang di seluruh Asia dan untuk mengukuhkan hubungan perniagaan kami dengan pemborong bukan sahaja di Sabah tetapi juga di negara jiran seperti Brunei, Thailand, Indonesia, dan Filipina, yang turut mengambil bahagian dalam acara ini," katanya.

Beliau berkata promosi ini mencerminkan slogan mereka, "Beli Lebih, Jimat Lebih," membolehkan pengunjung menikmati tawaran dan diskaun eksklusif terutamanya semasa promosi *Happy Hour* dalam acara tersebut.

"Ini juga membolehkan pemborong kami berhubung dengan pembeli berpotensi yang boleh menjadi rakan kongsi perniagaan mereka di Sabah, termasuk peniaga, ejen, atau pemasar afiliasi," katanya.



Pengunjung yang inginkan lebih banyak penjimatan, digalakkan untuk mengunjungi Pavilion GM Klang, yang akan memperkenalkan pelbagai produk daripada pemborong berbeza.

Pempamer termasuk Elena Fashion, iGOZO, PQ Bagss, Boston Concept Store, A to Z Fashion Wholesale, Omiso Global, Kiriman Kampung, dan Pusat Borong Terlajak Murah, yang menawarkan pelbagai pilihan barang pada harga yang tidak dapat ditandingi.

"Pengunjung berpeluang meneroka pelbagai kategori produk, termasuk barang gaya hidup, hiasan rumah, makanan ringan tradisional dan tempatan, aksesori, fesyen, dan banyak lagi," tambahnya.

-- BERNAMA

